


SIRI KUPASAN ALKITAB

EKSPOSISI KHUTBAH

Bagaimana Kita
Menyampaikan
Firman Allah
Pada Hari Ini



DAVID HELM

Eksposisi Khutbah: Bagaimana Kita Menyampaikan Firman Allah Pada Hari Ini

Penulis : David Helm
Penterjemah : Timothy Cheng Seng Hup
Penyunting : Randy Singkee
Pembaca Pruf : Rasminah Oyok, Edwin Kee
Pereka Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: Julai 2017
Cetakan Kedua : Ogos 2018

Petikan Alkitab diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, LAB Network

Expositional Preaching: How We Speak God's Word Today
Hakcipta © 2014 David Helm

Edisi Asal diterbitkan oleh:
Crossway, satu pelayanan penerbitan Good News Publishers
Wheaton, Illinois 60187, U.S.A.

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan bersama oleh:
Wawasan Penabur Sdn. Bhd. KVBC Trust & CEP
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya 31A Jalan SS2/64
46787 Petaling Jaya, Selangor 47300 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com info@kvbctrust.org

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Daftar Isi



Sekapur Sirih	1
Prakata	3
Pengenalan	5
1. Kontekstualisasi	9
2. Eksegesis	31
3. Refleksi Teologikal	51
4. Masa Kini	77
Penutup	99
Lampiran	101
Penghargaan Khas	107

PENGENALAN

Tulang-Tulang Luluh

Jasad seorang manusia yang hebat bersemadi di bawah lantai batu di dalam chapel King's College di Cambridge, England, berdekatan dengan pintu sebelah barat. Tempat persemadiannya mempunyai dua tanda: "CS," dan tahun beliau meninggal, "1836." Kedua-dua tanda itu dipahatkan pada lantai batu dan diisi dengan timah hitam. Sekiranya anda berpeluang berdiri di tempat tersebut – seperti yang pernah saya alami sendiri dengan penuh rasa kagum – ketahuilah hal ini: tulang-tulang luluh di bawah kaki anda dimiliki oleh seseorang yang telah mengembalikan Alkitab kepada pusat kehidupan gereja di England.

Itu adalah suatu hari yang menyedihkan pada November 1836 di mana tidak kurang dari 1,500 orang ahli akademik menghadiri pengkebumian Charles Simeon. Belum pernah terjadi sebelum ini di mana begitu ramai orang yang datang memberi penghormatan kepada seorang pastor dan pengkhotbah.¹ Charles Simeon adalah satu anugerah dari Allah kepada generasinya.

Beliau juga merupakan anugerah kepada generasi kita. Pemahamannya tentang Injil sudah teruji dan ia boleh memberikan suatu kesegaran kepada cara kita berkhotbah pada masa kini, kerana khotbah-khotbah Simeon memiliki sesuatu yang kita tidak punya dalam khotbah kita.

Jadi apakah kekurangan kita dalam hal berkhotbah? Bagaimana kita boleh mendapat manfaat daripadanya?

¹ Untuk butiran tentang tempat dan upacara pengkebumian Charles Simeon, saya terutang budi dengan William Carus. William Carus, *Memoirs of the Life of Rev. Charles Simeon* (London: Hatchard and Son, 1847), 582-83.



Jawapannya sangat mudah dan ia langsung membawa kita kepada apa yang kita panggil sebagai eksposisi khutbah. Pada dasarnya, pendirian beliau terhadap Alkitab adalah sumber kepada pengaruhnya. Simeon percaya bahawa penjelasan Alkitab yang baik dan ringkas itulah yang membuat sebuah gereja itu sihat dan penuh sukacita. Eksposisi Alkitabiah melakukan kerja berat untuk membangun sebuah gereja. Pendirian ini tidak pernah luput dari diri Simeon. Selama 45 tahun, dari sebuah mimbar di sebuah bandar universiti, beliau tanpa mengenal penat dan lelah memberikan dirinya kepada pelayanan berkhotbah. Minggu demi minggu, tahun demi tahun, dan dekad demi dekad beliau berdiri di mimbar dan mengisytiharkan Firman Allah dengan jelas, ringkas dan berkuasa. Beliau mentakrifkan keyakinannya mengenai eksposisi alkitabiah begini:

Usaha saya adalah untuk membawa keluar dari Alkitab apa yang ada di dalamnya, dan bukan memaksakan apa yang saya fikir mungkin ada di sana. Ada suatu kecemburuan dalam benak saya iaitu tidak akan mengatakan kurang atau lebih daripada apa yang saya percaya datangnya dari Roh Kudus dalam petikan yang saya sedang kaji. ²

Bagi Simeon, seorang pengkhotbah bertanggungjawab terhadap teks itu. Dia harus komited untuk berada dalam apa yang dinyatakan, tidak cuba mengatasi teks Alkitab dengan menyatakan apa yang tidak dinyatakan oleh teks, dan tidak akan mengabaikan teks dengan cuba mengurangkan maksud sebenarnya.

Keyakinan teguh inilah – suatu kekangan yang matang – yang sering dipandang ringan oleh mereka yang terlibat dalam menyampaikan Firman Allah. Secara jujur, hal ini tidak diberi perhatian serius oleh banyak gereja termasuklah gereja yang kukuh doktrinnya. Apa yang kita sangkakan sebagai khutbah yang alkitabiah sebenarnya tidak tepat kerana kurangnya kekangan atau kawalan semasa mengendalikan teks. Biarlah saya yang

² Handley Carr Glyn Moule, *Charles Simeon* (London: Methuen & Co., 1892), 97.

menjadi orang pertama mengaku bahawa saya tidak selalunya berhati-hati dalam mengenakan kekangan atau kawalan dalam membawa maksud keluar dari teks. Saya berdoa agar buku kecil ini, yang di antaranya, boleh digunakan oleh Allah untuk membantu sesiapa sahaja mencari jalan supaya guru-guru dan pengkhotbah-pengkhotbah dapat menemukan kembali keyakinan ini.

Tetapi bukan keyakinan Simeon sahaja yang perlu dipertimbangkan. Matlamat Simeon dalam berkhotbah juga harus diambil kira. Beliau dengan kemas mengungkapkan tujuan-tujuannya dalam eksposisi alkitabiah:

Merendahkan orang berdosa;
Meninggikan Sang Penyelamat;
Menggalakkan kekudusan.³

Tidak ada yang lebih jelas dari itu. Dan semua tujuan ini seharusnya membimbing kita semua pada hari ini. Dunia kita, sama seperti dunia Simeon, perlu mengetahui bagaimana manusia menjadi semakin rosak, bagaimana tingginya Tuhan Yesus telah diangkatkan, dan apa yang Allah mahukan daripada umat-Nya. Cara yang terbaik dan satu-satunya cara untuk menolong dunia ini adalah menyampaikan Firman Allah dalam kuasa Roh Kudus. Bagaimanakah kita boleh melakukan ini? Bagaimanakah rupanya?

Semua jawapan ada pada eksposisi khutbah. Eksposisi khutbah adalah khutbah yang diperkasakan, yang taat kepada bentuk dan penekanan yang ada pada satu teks alkitabiah. Dengan cara ini, ia membawa keluar dari teks apa yang diletakkan oleh Roh Kudus di sana, seperti yang dinyatakan oleh Simeon, dan tidak dimasukkan dalam teks tersebut apa yang difikirkan oleh pengkhotbah maksud teks itu. Proses ini agak rumit. Sebab itulah hal ini akan dibincangkan seterusnya dalam buku ini.

³ Charles Simeon, *Horae Homileticae* (Grand Rapids, MI: Zondervan, 1847), xxi.



Kita akan bermula dengan memikirkan tentang banyak kesilapan yang selalu kita buat, terutama sekali kesilapan akibat daripada usaha-usaha kita untuk cuba mengkontekstualisasi. Kemudian kita akan mempertimbangkan cabaran-cabaran dan tuntutan-tuntutan semasa membuat eksegesis sebuah teks, memahami suatu teks dan kaitannya dengan keseluruhan Alkitab, dan kemudian menyampaikan khutbah dalam konteks kita sendiri.

Meskipun buku ini dapat memperkenalkan eksposisi khutbah dengan secukupnya, salah satu dari harapan saya adalah mereka yang telah berkhutbah atau mengajar Alkitab akan mendapati bahawa buku ini menawarkan satu panduan berguna untuk menilai apa yang anda lakukan sekarang. Ia adalah seperti satu “tindakan susulan,” sebagai satu jalan untuk memberikan anda peluang bertanya kepada diri sendiri, “Baiklah, adakah ini yang saya sedang lakukan? Adakah saya membawa keluar apa yang dimaksudkan dalam Firman Allah? Adakah saya lakukan demi merendahkan hati mereka yang mendengar, meninggikan Sang Penyelamat, dan menggalakkan kekudusan dalam kehidupan mereka yang mendengar pada masa kini?”

Tuntutan dan cabaran eksposisi khutbah sangat banyak. Dan membuat kemajuan dalam kebolehan kita mengendalikan Firman Allah dengan setia tidaklah mudah. Akan tetapi saya percaya bahawa jika para pengkhutbah dan pemimpin gereja pada hari ini memberikan perhatian serius kepada kesederhanaan keyakinan dan tujuan-tujuan Simeon dalam hal ini, kesihatan dan kesukaan gereja dapat dipulihkan.

Jadi, marilah kita mulakan.



KONTEKSTUALISASI

Kontekstualisasi sangat penting untuk satu eksposisi yang baik. Manuskrip-manuskrip khutbah St. Augustine menunjukkan kepada kita bahawa dia melakukan ini dengan baik.

Apabila Augustine mengemukakan gagasan idea tentang masyarakat yang diambil secara langsung dari karya-karya klasik pagan, kita tidak seharusnya berfikir bahawa dia melakukan hal tersebut secara sadar untuk memenangi hati orang pagan dengan kebudayaannya atau cuba menarik mereka ke dalam gereja dengan menyebut nama-nama pengarang kegemaran mereka. Dia melakukan semua itu, sama seperti kita pada hari ini, tanpa berfikir, bahawa dunia ini adalah bulat... Dia sampaikan apa yang dia mahu nyatakan... sebagai sesuatu yang masuk akal.¹

Saya suka sikap Augustine terhadap kontekstualisasi yang mengajar kita tentang hubungannya dengan berkhotbah. Kebolehannya yang menakjubkan yang mampu menarik perhatian para pendengarnya datang dari minatnya terhadap kehidupan; ia bukan datang dari usaha untuk memahami budaya dengan harapan apa yang disampaikan relevan kepada pendengarnya. Bab ini akan membincangkan masalah-masalah yang timbul apabila kontekstualisasi mengatasi pengkhotbah semasa dia menyediakan khutbahnya.

¹ Peter Brown, *Through the Eye of a Needle* (Princeton, NJ: Princeton University Press, 2012), 54.



Dalam bab pengenalan buku ini, kita mendapat sekilas pandang bagaimana seharusnya rupa eksposisi khutbah. Usaha gigih diperlukan untuk membawa keluar dari teks apa yang dimaksudkan, tidak sekali-kali cuba memaksakan ke dalam teks apa yang tidak dinyatakan oleh Roh Kudus, dan dengan demikian dapat merendahkan hati pendengar, meninggikan Sang Penyelamat serta menggalakkan kekudusan dalam kehidupan semasa pendengar. Walaupun kita belum membincangkan bagaimana suatu khutbah boleh melakukan semua ini, ada baiknya jika kita mengambil masa mempertimbangkan beberapa cara di mana khutbah gagal mencapai matlamat ini.

MASALAH KEPATUHAN MEMBABI BUTA



Apakah yang saya maksudkan dengan kontekstualisasi dalam berkhotbah?² Secara ringkas, kontekstualisasi dalam berkhotbah adalah menyampaikan mesej Injil dalam cara yang boleh difahami atau yang sesuai dengan konteks budaya pendengar. Dengan perkataan lain, kontekstualisasi adalah mengenai kita dan masa kini. Ia komited kepada apa yang relevan dan aplikasi untuk hari ini, sebab itulah saya akan mencadangkan suatu pendekatan membina kepada topik ini dalam Bab 4.

Salah satu masalah dengan khutbah yang dikontekstualisasikan pada hari ini adalah ia sering mempunyai penekanan yang tidak kena pada tempatnya. Dengan mengangkat kontekstualisasi dan menjadikannya suatu disiplin kajian yang fokusnya terlalu kepada faedah-faedah yang praktikal, ada pengkhotbah yang menggunakan teks alkitabiah dalam satu cara yang sembarangan

² Lukisan garisan ini, yang dibangunkan sepanjang buku ini, adalah apa yang saya faham berdasarkan grafik yang dilakukan oleh Edmund Clowney dalam buku *Preaching Christ in All of Scripture* (Wheaton, IL: Crossway 2003), 32. Saya buatnya berdasarkan cara pemuzik gereja mengambil lagu kemenangan iman yang lama dan menulis susunan muzik yang baru.

dan sambil lewa. Inilah masalah kepatuhan membabi buta. Didorong oleh keinginan yang sihat menggerakkan gereja untuk maju ke hadapan, pengkhotbah menumpukan perhatian secara eksklusif semasa menyediakan khutbahnya kepada aspek artistik dan kreatif demi membuat khutbahnya relevan.

Fikirkan tentang hal ini. Ada pengkhotbah yang lebih banyak menghabiskan masa membaca dan memikirkan latar belakang konteks semasa daripada memberi perhatian kepada Firman Allah. Kita terperangkap dalam usaha berkhotbah kepada jemaah tentang dunia dan kota tempat kita tinggal demi usaha menjadi relevan. Akibatnya, kita berpuas hati dengan pemahaman yang cetek tentang teks. Kita lupa bahawa teks alkitabiah *adalah* kata-kata yang relevan. Ia layak menerima kuasa penghayatan dan penjelasan terbesar kita.

Dalam perkataan lain, pengkhotbah akan terlepas pandang tanda-tanda eksposisi alkitabiah apabila dia membiarkan konteks di mana dia cuba memenangi pendengar dengan cuba mengawal Kristus dalam Firman Allah yang dia sampaikan tentang Kristus. Seperti yang saya telah katakan dalam bab Pengenalan, inilah kesilapan yang banyak berlaku dalam gereja kita. Tanpa disedari terlalu ramai di antara kita yang percaya bahawa kunci kepada khutbah yang berkuasa adalah satu pemahaman yang baik mengenai konteks budaya kita, dan bukannya Alkitab itu sendiri.

Kepatuhan membabi buta kepada kontekstualisasi mengubah khutbah kita dalam sekurang-kurangnya tiga cara, dan semuanya tidak mendatangkan kebaikan. Pertama, ia mencatatkan perspektif kita semasa meneliti teks – semasa membuat persediaan berkhotbah, seorang pengkhotbah menjadi terlalu sibuk dengan dunia dan bukannya Firman Allah. Ini membawa kepada khutbah impresionistik (berdasarkan tanggapan). Kedua, ia mengubah cara kita menggunakan mimbar – Firman Allah sekarang menyokong tujuan dan rancangan kita dan bukan sebaliknya. Ini dipanggil khutbah yang memabukkan. Akhir sekali, ia mengubah pemahaman kita tentang wibawa – pembacaan yang “segar” dan “dibimbing oleh Roh” si pengkhotbah kini menjadi penentu kepada kebenaran. Saya panggil ini sebagai khutbah “yang diinspirasi.”



Mari kita lihat setiap jenis khutbah ini dengan lebih teliti. Saya pasti kita akan mendapati apa yang kita anggap sebagai eksposisi khutbah sebenarnya jauh tersimpang.

KHUTBAH IMPRESIONISTIK

Dalam tahun 1850an, gaya gerakan artistik yang paling berpengaruh adalah *realisme*. Ia merupakan satu gerakan yang bertujuan mempamerkan sedekat mungkin apa yang dilihat oleh seorang artis/pelukis. Dua orang pelajar muda yang dilatih dalam aliran *realisme* adalah Claude Monet dan Pierre-August Renoir. Mereka menjadi sahabat dan mula melukis bersama, bersama-sama dengan beberapa orang pelukis yang lain. Generasi muda ini cenderung menggunakan warna yang lebih terang daripada apa yang diajar oleh pengajar-pengajar *realist* mereka, dan mereka juga lebih meminati melukis kehidupan semasa berbanding dengan pemandangan bersejarah atau mitos. Pada masa yang sama, mereka secara sedar meninggalkan sifat *romantisme* generasi sebelumnya.

Titik permulaan bagi kumpulan pelukis muda ini memulakan identiti diri mereka berlaku pada tahun 1863 di pertandingan dan pertunjukan seni *Salon de Paris* (Pameran Paris).³ Banyak hasil lukisan mereka yang ditolak oleh para hakim menyebabkan suatu pertunjukan pameran alternatif diadakan selepas itu yang dipanggil sebagai *Salon des Refuses* (Pameran yang Ditolak). Selama sepuluh tahun para pelukis muda ini mengadakan petisyen agar diadakan pameran alternatif untuk gaya melukis baru mereka, tetapi permintaan mereka ditolak secara sistematik.

Pada tahun 1873, Monet, Renoir dan beberapa yang lain membentuk sebuah gabungan kerjasama artis tanpa nama untuk mempamerkan hasil kerja mereka secara bebas. Pameran umum yang pertama bagi kumpulan ini diadakan pada April 1874 di Paris. Gaya melukis terus berubah. Renoir telah mula mencuba

³ Bernard Denvir, *The Thames and Hudson Encyclopaedia of Impressionism* (London: Thames and Hudson, 1990).

gaya baru dengan mengubah apa realiti yang dilihat olehnya – dia mula menjarakkan dirinya dari realisme. Monet telah mula melukis dengan sapuan berus yang longgar. Ini memberikan suatu gambaran umum apa yang dia lihat dan bukannya gambaran yang jitu serta jelas yang lebih digemari oleh generasi tua. Sebagai contoh, lukisan *Impression Sunrise* Monet yang menggambarkan waktu matahari terbit di *Le Havre Harbour*. Beliau mengakui ia bukanlah satu pemandangan realistik pelabuhan tersebut. Sebab itulah dia menambahkan perkataan “*impression*” kepada tajuknya apabila ditanya tentang nama lukisannya itu. Tajuk ini kemudiannya dipakai oleh seorang pengkritik untuk memperkecilkan artis dari kumpulan itu, memanggil mereka sebagai “*impressionists*.”

Salah satu inovasi berani yang dilakukan oleh kumpulan ini adalah penggunaan cahaya. Sebagai contoh, karya Renoir pada tahun 1876 yang bertajuk “*Dance at Moulin de la Galette*” menggambarkan suatu jamuan tari-menari di daerah Montmartre di Paris. Dalam lukisan tersebut, Renoir melukis warna putih pada tanah atau bahagian atas jaket biru untuk menunjukkan bahawa matahari sedang bersinar pada ketika itu. Pengubahsuaian cahaya mulai memperbesar-besarkan butiran-butiran dan menyelewengkan apa yang sebenarnya dilihat oleh pelukis.

Kaedah impressionist ini mengambil apa yang dilihat oleh mata dan mentafsirnya, memperbesar-besarkannya, mengabaikan sebahagian daripadanya dan akhirnya menyelewengkannya.

Sekarang fikirkan tentang apa yang anda lakukan semasa anda duduk menyediakan sebuah khutbah. Anda membuka Alkitab anda. Anda tidak mempunyai banyak masa. Anda mungkin perlu menghadiri satu atau dua mesyuarat. Anda mungkin perlu memberi kaunseling kepada seorang ahli keluarga atau staf. Anda sangat sibuk dengan tugas-tugas pastoral. Namun anda perlu berkhotbah pada pagi Ahad nanti. Jadi anda bermula dengan membaca teks anda dan membuat catatan seperti seorang pelukis mula berinteraksi dengan kanvasnya – dengan cepat, hubungan berwarna-warni antara Firman dengan dunia yang anda kenali.

Anda mencari perkara-perkara yang anda tahu akan memberi satu kesan (tanggapan) yang serta-merta kepada para pendengar



anda. Anda mulai menikmati saat melencong ini seketika. Kerjanya tidaklah terlalu sukar. Tidak lama kemudian idea utama mula muncul. Anda melakukan kontekstualisasi dengan baik kerana seperti jemaah anda pada hari Ahad, anda tidak begitu gemar mengenai hal-hal yang berkaitan dengan sejarah. Lagipun, anda mendapat kerja ini kerana mereka sangat teruja dengan betapa bagusnya anda menghasilkan mesej-mesej yang menarik perhatian berdasarkan realisme purba alkitabiah yang sukar difahami. Suatu kajian yang lebih terperinci tentang teks boleh ditangguhkan.

Mesej minggu ini, sama seperti mesej minggu lepas, akan menumpukan perhatian kepada tanggapan atau *impression* yang anda dapat dari petikan teks tersebut. Anda sudah dapat bayangkan bagaimana isi kandungan teks boleh diaplikasikan oleh jemaah. Anda memandangi iPhone anda untuk mengetahui masa. Anda telah menggunakan masa lima belas minit untuk melakukan semua ini. Inilah yang dipanggil khutbah Impresionistik.

Ia sering berlaku. Bahkan inilah masalah paling utama yang dihadapi oleh para pengkhutbah pada hari ini. Khutbah Impresionistik tidak dikawal atau dikekang oleh realiti teks. Ia mengabaikan aspek sejarah, kesusasteraan dan teologi teks. Ia mengenyampingkan semua pengetahuan eksegesis yang anda pernah pelajari dan gunakan. Seorang pelukis realist mungkin melihat sebanyak sepuluh kali objek yang ingin dilukis sebelum membuat satu sapuan, manakala sang impressionist hanya melihat teks sekali sahaja dan membuat sepuluh sapuan pada kanvas pengalaman hidup manusia. Begitulah juga seorang pengkhutbah impressionist.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa khutbah impresionistik lebih mudah dan cepat disiapkan. Masuk akal jika berbuat demikian apabila anda mengambil kira jadual kerja anda yang sibuk. Akan tetapi anda perlu tahu bahawa sebenarnya anda melakukan apa yang anda suka dengan teks tersebut dan bukannya apa yang dimaksudkan oleh teks itu.

Mari kita lihat satu contoh. Bayangkan anda harus menyediakan suatu mesej untuk kelas “ibu bapa muda”. Anda memilih 1 Samuel 2:12-21 sebagai teks dasar. Ambil masa untuk membacanya sekarang:

Amat jahatnya kelakuan anak-anak lelaki Eli. Mereka tidak mengenal TUHAN. Amalan masa itu ialah para imam bertindak sewenang-sewangnya terhadap umat biasa. Ketika seseorang mempersembahkan korban sembelihan, pembantu imam akan datang membawa garpu serampang tiga sementara daging itu masih direbus. Dia akan mencucukkan garpu ke dalam wadai, kual, belanga, atau periuk, lalu apa-apa pun yang terangkat oleh garpu itu akan diambil oleh imam untuk dirinya sendiri. Demikianlah yang dilakukan mereka di Silo terhadap semua orang Israel yang datang ke sana. Bahkan sebelum lemaknya dibakar, pembantu imam akan datang kepada orang yang mempersembahkan korban dan berkata, "Berikanlah daging itu kepada imam untuk dipanggang. Dia tidak mahu menerima daripadamu daging yang direbus, melainkan yang mentah." Jika orang itu berkata kepadanya, "Lemaknya harus dibakar dahulu. Setelah itu, ambillah sesuka hatimu," maka hamba itu akan menjawab dia, "Berikan sekarang juga. Kalau tidak, aku akan mengambilnya dengan paksa!"

Jadi, sangatlah besar dosa para pemuda itu di hadapan TUHAN, kerana mereka memandang rendah persembahan yang diperintahkan TUHAN. Sementara itu, Samuel menjadi penyelenggara ibadat di hadapan TUHAN. Anak itu memakai baju efod daripada kain linen. Ibunya biasa membuat sehelai jubah kecil untuknya, lalu setiap tahun jubah itu dibawanya untuk anaknya ketika dia pergi bersama-sama suaminya untuk mempersembahkan korban sembelihan tahunan. Kemudian Eli akan memohonkan berkat bagi Elkana dan isterinya, katanya, "Semoga TUHAN mengurniakan kepadamu keturunan daripada perempuan ini sebagai pengganti yang telah diserahkan kepada TUHAN." Setelah itu, mereka pulang ke tempat tinggal mereka.

TUHAN melawat Hana, sehingga dia mengandung dan melahirkan lagi tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Samuel yang muda itu pun bertambah besar di hadirat TUHAN.

Dalam pembacaan pertama anda, ada tiga hal yang menonjol:

1. Teks itu menyatakan dua jenis ibu bapa dan anak-anak: Eli bersama anak-anak lelakinya yang tidak berguna, dan Hana bersama anaknya, Samuel yang mengabdikan diri kepada



TUHAN.

2. Anda tertarik dengan perbezaan di antara mereka. Eli sebagai contoh orang tua yang tidak baik berbanding dengan Hana sebagai contoh yang baik.
3. Anda membuat dua kesimpulan dari teks tersebut: pertama, ibu bapa yang tidak baik membiarkan anak-anak mereka makan terlalu banyak manakala ibu bapa yang baik tidak berbuat demikian. Sungguh menjijikkan bagi anak-anak Eli melahap daging korban persembahan! Kedua, ibu bapa yang tidak baik tidak mengambil kesempatan yang ada dalam situasi gereja untuk menggalakkan anak-anak mereka menjadi orang yang beriman, manakala ibu bapa yang baik bertindak sebaliknya. Sungguh berbahagia bagi Hana melihat Samuel setiap kali dia berada di gereja!

Nah, itu dia. Anda sudah mendapat rangka khutbah anda. Yang lebih penting, anda tahu bahawa apa yang anda mahu sampaikan senada dengan mereka yang masih baru dalam hal mendidik anak-anak. Lagi pun, akhbar tempatan sering melaporkan masalah pengaruh persekitaran yang mempengaruhi anak-anak dan usaha menggubal undang-undang bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Tidak sukar bagi anda membuat kontekstualisasi berdasarkan prinsip yang sama yang juga boleh diaplikasikan dalam hal kerohanian.

Anda pun menyampaikan khutbah anda. Ia diikuti dengan program baru bagi kanak-kanak berdasarkan khutbah anda. Program hujung minggu diadakan bagi menggalakkan anggota jemaah menjadi ibu dan bapa yang baik. Ia sangat bagus kerana orang sedang bercakap tentang pengasuhan Kristian.

Jenis khutbah impresionistik sebegini berkembang pesat dalam gereja. Tidak hairanlah jika kita tidak meluangkan banyak waktu untuk menyediakan khutbah kerana ia dianggap tidak perlu. Kita boleh melakukannya dengan cepat dan ia berjaya. Ia hampir menyerupai khutbah improvisasi.

Tambahan lagi, kita terlepas pandang Firman Allah yang begitu kaya. Kita terlepas pandang isi utama teks. Jika kita baca

beberapa kali lagi, kita mungkin sedar bahawa fokus utama teks 1 Samuel 2:12-21 bukanlah mengenai menjadi ibu bapa yang baik. Ia adalah mengenai kekudusan Allah. Benar, *petikan itu adalah mengenai Allah* dan bagaimana kepimpinan yang buruk di kalangan umat-Nya membawa penghinaan kepada Allah sendiri. Masalah yang ditonjolkan dalam teks tersebut adalah Allah tidak disembah dengan penuh hormat. Dan jika kita terus menggali teks tersebut, kita akan menyedari wujudnya unsur penggantian dalam keluarga besar Allah. Teks ini mengetengahkan Samuel tepat pada masanya kerana dia adalah alternatif kepada anak-anak Eli dalam hal memimpin penyembahan Allah sesuai dengan Firman Allah. Pekerjaan Allah akan terganggu kerana Firman-Nya tidak ditaati. Bahkan dalam situasi seperti tiada harapan lagi, Allah akan membangkitkan seorang lain dan imam untuk memimpin.

Adakah ini bermakna kita tidak boleh mengajar pengasuhan anak dari teks ini? Tidak semestinya. Tetapi ia bermakna kita tidak boleh terlepas pandang fokus utama teks ini. Aplikasi-aplikasi yang mungkin dari teks ini jangan dibiarkan mengaburi fokus utamanya. Sementara kita boleh menyatakan hal yang benar tentang pengasuhan anak dari teks ini, kita harus melakukannya dengan cara yang mematuhi penekanan utama teks ini. Inilah perbezaannya. Inilah cabarannya. Kita membaca cerita ini dan berkesudahan dengan terlepas daripada apa yang Roh Kudus mahu tekankan, menjadikan Firman Allah tidak lebih dari prinsip-prinsip bagaimana menjalani kehidupan yang salih. Dalam contoh 1 Samuel, kita berakhir dengan meniadakan Kristus sebagai ganti kepada sistem imam yang sudah gagal. Kita kehilangan Yesus kerana terlalu menurut cara impresionisme. Sebagai ganti kepada-Nya, kita mendapat ibu bapa yang lebih komited kepada prinsip moral berbanding dengan mesej Kristian.


Adalah penting dinyatakan bahawa khutbah impresionistik bukanlah masalahnya. Ia adalah hasil kepatuhan membabi buta kepada kontekstualisasi dan bagaimana kepatuhan sebegini memonopoli masa kita. Kita perlu ingat pendirian yang mengekang Charles Simeon dalam pengajaran: membawa keluar apa yang ada dalam Alkitab. Adalah mudah untuk membiarkan satu pendekatan impresionistik mendominasi penelitian dan penyediaan khutbah



anda, terutamanya jika anda seorang yang ingin kelihatan bergaya atau cuba kelihatan bergaya, maka pendekatan ini akan menjadi umpama dadah yang anda ambil secara diam-diam. Dan jika anda berjaya kerana menggunakan kaedah ini, anda mula percaya bahawa anda adalah seorang ekspositor. Tetapi kita akan melihat dalam bab-bab seterusnya eksposisi alkitabiah memerlukan satu pendekatan yang berbeza dalam kajian ini.

KHUTBAH YANG MEMABUKKAN

Mari kita keluar dari bilik pengajian dan fikirkan cara kita menggunakan Alkitab di mimbar. Seorang ahli puisi berbangsa Scotland bernama Andrew Lang pernah dengan lucu menghentam para ahli politik pada zamannya dengan pernyataan yang bijak tentang bagaimana mereka memanipulasikan statistik.⁴ Dengan mengubah sedikit dalam bahasa, kata-katanya boleh digunakan terhadap guru-guru Alkitab pada hari ini: “Ada pengkhotbah menggunakan Alkitab seperti si pemabuk menggunakan sebuah tiang lampu...lebih sebagai sokongan dan bukannya sebagai penerang.”



Inilah pengkhotbah yang mabuk. Saya andaikan saya tidak perlu menyatakan bahawa anda tidak mahu menjadi seperti itu.

⁴ Asal usul cerita dan petikan kata-kata oleh Andrew Lang ini tidak dapat dipastikan tetapi ia banyak disebutkan dengan meluas dalam koleksi petikan kata-kata seperti Elizabeth M. Knowles, *The Oxford Dictionary of Quotations*, 7th Ed. (Oxford: Oxford University Press, 2009), 478:12.

Sebenarnya ramai di antara kita yang sudah menjadi begitu tanpa menyedarinya.

Biar saya jelaskan. Minggu demi minggu kita berdiri di mimbar dan bersandar pada Alkitab untuk menyokong apa yang kita mahu katakan. Sepatutnya kita katakan apa yang Allah mahu katakan melalui Alkitab. Kita tak ubah seperti si pemabuk yang bersandar pada tiang lampu – menggunakan tiang hanya sebagai sokongan dan bukannya sebagai penerang supaya dapat melihat. Satu cara berdiri yang lebih baik bagi pegkhotbah itu adalah berdiri betul-betul di bawah teks alkitabiah. Alkitablah yang berkhotbah – bukan kita – iaitu Firman yang dari Roh Kudus (lihat Ibrani 3:7; Yohanes 6:63).

Berdekad lamanya saya terlibat dalam pelayanan pastoral, saya masih ingat ketika saya menjadi seorang pengkhotbah yang mabuk. Saya gunakan Alkitab untuk membantu saya mengatakan apa yang saya mahu katakan. Ia telah menjadi satu alat yang berguna kepada saya. Alkitab membantu saya mencapai apa yang saya sampaikan. Seringkali saya lupa bahawa saya sepatutnya menjadi alat – menjadi seorang yang dipakai oleh Allah bagi tujuan-Nya. Saya sepatutnya mengisytiharkan cahaya yang Dia mahu sinarkan dari satu teks tertentu.

Apa yang berlaku kepada saya suatu masa dahulu boleh sahaja berlaku kepada sesiapa yang terlibat dalam pelayanan Firman Allah. Ada pelbagai cara kita menggunakan Alkitab seperti seorang pemabuk menggunakan tiang lampu. Mungkin anda seorang yang memiliki pandangan doktrin yang kukuh dan ini menjadi fokus anda dalam setiap teks yang anda khutbahkan tanpa mempedulikan apa yang ingin disampaikan oleh teks itu. Mungkin anda membuat kesimpulan tentang politik atau sosial atau terapeutik tanpa mempedulikan apa yang Roh Kudus nyatakan dalam teks. Intipatinya, kecenderungan kita memilih khutbah yang memabukkan ini dan bukan eksposisi khutbah datangnya dari satu perkara: kita memaksakan keghairahan, rancangan dan perspektif kita ke atas teks alkitabiah. Apabila kita berbuat demikian, Alkitab hanyalah sekadar untuk menyokong apa yang kita mahu katakan.



Izinkan saya memberi satu contoh peribadi bagaimana cepatnya hal ini boleh berlaku. Beberapa tahun dahulu, saya menyampaikan khutbah berdasarkan 2 Korintus. Apabila saya sampai ke bab 8 dan 9, saya mengambil keputusan untuk melangkauinya dan terus ke bab 10. Sebabnya adalah saya mahu gunakan bab 8 dan 9 pada kemudian hari dalam gereja saya. Kedua bab itu berbicara tentang wang, bukankah begitu? Pada fikiran saya, “Para penatua meminta saya memberi khutbah tentang pengurusan apa yang kita terima dari Allah.” Jadi masuk akal untuk menyimpan teks tersebut bagi waktu di mana kita perlukan dorongan dalam hal kewangan. Jadi saya langkai bab 8 dan 9 – sesuatu yang saya jarang lakukan kerana saya seorang pengkhutbah yang setia mengikut turutan bab Alkitab.

Seperti yang dijangka, masanya tiba. Saya lihat kembali bab 8 dan 9 dalam 2 Korintus untuk menyediakan khutbah tentang pentingnya memberi dengan murah hati. Adalah penting dinyatakan di sini bahawa sebelum saya memulakan persediaan khutbah, saya mempunyai idea yang jelas apa yang saya mahu katakan di mimbar. Saya akan pusatkan semua komen saya pada tiga ayat yang menjelaskan seorang yang memberi dengan sukacita:

Ingatlah firman ini: Orang yang menyemai sedikit akan menuai sedikit, dan orang yang menyemai banyak akan menuai banyak. Masing-masing hendaklah memberi setulus hati, jangan dengan rasa enggan atau terpaksa, kerana Allah mengasihi orang yang memberi dengan gembira. Allah berkuasa melimpahkan kasih kurnia-Nya kepadamu, supaya kamu dapat memenuhi segala keperluanmu dan berlebihan pula untuk amal kebajikan. Sebagaimana tersurat, “Dia telah menaburkan kurnia-Nya di merata-rata dalam kalangan orang miskin; Perbenaran-Nya kekal selama-lamanya.” (2 Korintus 9:6-9)

Pertama, saya akan mulakan dengan sikap yang Allah mahu kita miliki terhadap wang. Ayat 6 menyatakan bahawa memberi dengan setulus hati bermakna akan menuai banyak. (Saya suka mulakan dengan sikap kerana ia menghubungkan pengenalan khutbah dengan aplikasi “memberi”). Lagipun, ayat 7 menyatakan Allah mengasihi seorang yang memberi dengan gembira. Motivasi untuk memberi (Allah akan membalas pemberianmu) akan dijadikan

poin kedua. Ayat 8 menyatakan, “Allah berkuasa melimpahkan kasih kurnia-Nya kepadamu.” Akhir sekali saya akan menyebut petikan dari Mazmur yang menyatakan insentif ilahi kepada kemurahan hati mereka. Ayat 9 menunjukkan bahawa Allah sendiri memberi dengan murah hati. Tiga poin rangka khutbah saya adalah seperti berikut:

1. 2 Korintus 9:6-7 – Berilah kepada Allah (inilah sikap yang Dia mahu dari kita)
2. 2 Korintus 9:8 – Terimalah kebaikan dari Allah (nampak menarik sebagai motivasi kita memberi)
3. 2 Korintus 9:9 – Memberi adalah satu cara kita meniru Allah (PL memberitahu kita tentang hal ini)

Walaupun saya tidak memberi perhatian yang mendalam terhadap teks tetapi pada masa yang sama, saya tahu bahawa saya sudah memiliki sebuah khutbah yang pasti enak didengari. Saya sudah bersedia untuk menyampaikan sebuah mesej yang tajam dan praktikal. Saya tahu apa yang jemaah perlukan dan Alkitab sudah buktikan bahawa saya betul dalam hal ini.

Akan tetapi ada sesuatu yang menarik terjadi. Sebelum hari minggu tiba dan sebelum menaiki mimbar, saya mula meneliti latar belakang bab-bab tersebut. Apa yang saya dapati menggonggong asas segala-gala yang saya sudah rancangkan untuk disampaikan dalam khutbah. Dalam 1 Korintus 16:1-4 dan Kisah Para Rasul 11:27-30, saya dapati ayat-ayat berkenaan ada kaitan dengan satu bencana kebuluran dan satu keperluan yang timbul di kalangan gereja-gereja tertentu. Teks khutbah yang saya pilih tentang memberi dengan sukacita bukanlah tentang memberi secara tetap kepada belanjawan gereja tempatan. Ia adalah mengenai satu kutipan wang untuk membantu jemaah Kristian Yahudi yang ditimpa bencana kebuluran di tempat lain.

Jika itu tidak cukup buruk, saya mendapati beberapa hal yang lain juga. Dalam 2 Korintus 11:5 dan 12:11, saya mendapati pertelingkahan utama dalam teks tersebut adalah mengenai pelayanan Paulus yang dilihat sebagai kurang hebat jika dibandingkan dengan rasul-rasul yang lebih hebat, yang disanjung oleh jemaah Korintus. Paulus tidak terlatih dalam bertutur kata (11:6), datang



dengan merendahkan diri (11:7), selalu dalam serba kekurangan (11:9), dan tidak mempunyai sumber-sumber kewangan (12:14-15). Dalam konteks inilah bab-bab tersebut berbicara tentang pemberian. Kemudian baru saya tersedar. Pemberian ini berfungsi sebagai satu ujian! Jika jemaah Korintus memberi dengan murah hati, ia akan menunjukkan bahawa mereka bersetuju dengan “kelemahan” dan rela memenuhi keperluan mereka yang lemah. Walau bagaimanapun, jika mereka memberi dengan ala kadar sahaja kepada tabung bencana kebuluran, ia akan membuktikan bahawa mereka hanya menyebelahi pihak yang memiliki segala-galanya. Tiba-tiba saya sedar bahawa saya berada dalam keadaan berbahaya salah memahami keseluruhan surat Korintus!

Kemudian saya sedar hal yang sebenarnya. Apabila saya melihat mazmur yang dikutip dalam 2 Korintus 9:9 – mazmur yang saya sangka mengajar kita yang memberi dengan murah hati bererti kita meniru Allah – saya sebaliknya mendapati bahawa sebenarnya ia menunjukkan kita adalah seperti “orang yang diperbenarkan.” Apa yang mahu ditekankan oleh Paulus adalah tujuan jemaah Korintus memberi dengan murah hati bukannya untuk meniru Allah, sebaliknya memberi dengan murah hati adalah satu tanda yang biasa untuk orang yang mengikuti Allah.

Pada ketika itu, saya sedar bahawa saya sudah tersilap. Dalam menyediakan sebuah rangka yang hebat dari Alkitab yang mungkin dapat memenuhi matlamat saya untuk menyelesaikan masalah kewangan gereja, saya hanya bersandar kepada Alkitab seperti seorang pemabuk yang bersandar pada tiang lampu – lebih kepada mendapat sokongan dan bukannya kerana cahaya untuk menerangi.

Soalan yang harus saya jawab sebelum menjejakkan kaki di mimbar pada minggu itu adalah: Siapakah yang akan menjadi raja? Saya? Atau teks Alkitab? Adakah saya yang berkuasa ke atas teks Alkitab atau teks itu yang berkuasa ke atas saya? Adakah saya akan menggunakan Alkitab untuk menyokong tujuan dan rancangan saya atau saya akan berdiri bernaung di bawahnya, membiarkan cahaya Roh Kudus membimbing jemaah di gereja saya?

Dalam analisis terakhir, keyakinan yang dipegang oleh Charles Simeon untuk mengamalkan kekangan dan kawalan semasa berada di mimbar membantu saya membuat keputusan yang benar. “Saya miliki suatu rasa cemburu yang besar dalam kepala saya; saya tidak sekali-kali akan mengatakan apa yang lebih atau apa yang kurang daripada apa yang merupakan pemikiran Roh Kudus dalam teks Alkitab yang saya kaji.”⁵

Mengikut pengalaman peribadi, saya boleh katakan bahawa pergelutan saya dalam hal khutbah yang memabukkan ini selalunya berpunca dari *kepatuhan membabi buta* semasa membuat kontekstualisasi. Dan inilah yang saya telah pelajari: keperluan jemaah saya, berdasarkan pemahaman kontekstualisasi saya, tidak sepatutnya menjadi pendorong utama kepada apa yang saya mahu sampaikan di mimbar. Kita tidak bebas berbuat sesuka hati dengan Alkitab. Alkitab berdaulat. Alkitab mesti mengatasi kehendak kita. Ia harus menang. Sentiasa.

Peranan kita sebagai pengkhutbah dan guru Alkitab adalah berdiri betul-betul di bawah cahaya yang menerangi yang datangnya dari Firman Allah, iaitu apa yang dikerjakan oleh Roh Kudus. Tugas kita pada hari ini adalah untuk mengatakan apa yang Allah pernah katakan, tidak lebih dan tidak kurang. Dengan berbuat demikian, Allah masih berfirman kepada umat-Nya.

KHUTBAH YANG “DIINSPIRASIKAN”

Kita telah melihat dua akibat negatif hasil kepatuhan membabi buta terhadap kontekstualisasi dalam membuat eksposisi Alkitab. Pertama, kita meneliti kesan pendekatan ini terhadap pengkhutbah semasa membuat kajian Alkitab. Kaedah persediaan ini boleh menjurus kepada khutbah impresionistik. Kedua, kita melihat bagaimana kepatuhan membabi buta dalam kontekstualisasi boleh mempengaruhi cara pengkhutbah menggunakan Alkitab di mimbar. Tekanan untuk berusaha menjadi relevan pada setiap minggu membawa kepada penyampaian khutbah yang memabukkan.

⁵ Handley Carr Glyn Moule, *Charles Simeon* (London: Methuen & Co., 1892), 97.



Sekarang saya mahu mengajak si pengkhotbah keluar dari biliknya dan turun dari mimbarinya serta melihat bagaimana dia membaca Alkitab semasa bersendirian. Malah cara membaca Alkitab yang digunapakai oleh orang Kristian pada masa sekarang semasa melakukan saat teduh boleh mencatatkan pengisytiharan kebenaran Firman Allah di mimbar. Bahkan jika strategi membaca Alkitab secara peribadi ini digabungkan dengan kepatuhan membabi buta terhadap kontekstualisasi, anda akan menghasilkan apa yang saya panggil sebagai khutbah yang “diinspirasikan.”

Biar saya jelaskan. Sebagai pengarang ilahi, Alkitab ialah dan sentiasa adalah Firman Allah yang berwibawa dan berinspirasi. Walau bagaimanapun, sungguh menyedihkan, dan inilah yang saya ingin utarakan – pengkhotbah semakin percaya bahawa apa yang mereka baca itu adalah diinspirasikan. Guru-guru Alkitab juga diberitahu bahawa apa sahaja yang menggerakkan roh mereka semasa membaca Alkitab, itulah yang Allah mahu mereka sampaikan kepada jemaah.

Salah satu contoh strategi pembacaan sebegini adalah *Lectio Divina* yang mempunyai sejarah yang lama. Amalan tradisi tafsiran Alkitab *Benedictus* ini bertujuan menggalakan hubungan intim dengan Allah, dan seterusnya membiasakan diri dengan Alkitab. Ia berpandangan bahawa teks Alkitab adalah “Firman yang hidup” dan bukan sekadar penulisan yang tujuannya untuk dikaji. Bentuk tradisi amalan membaca ini meliputi empat langkah dalam melakukannya secara peribadi: membaca, meditasi, berdoa dan merenung/kontemplatif. Anda boleh mulai dengan membaca teks untuk menenangkan diri. Kemudian diikuti dengan meditasi iaitu memikirkan satu perkataan atau frasa dari teks, dan dengan melakukan demikian anda mengelakkan satu pendekatan analitikal. Intipatinya, matlamat berbuat demikian adalah menunggu bimbingan Roh Kudus supaya anda dapat memperoleh makna teks yang dibaca. Anda menunggu Yesus datang di hadapan anda. Selepas menerima apa yang ditunggu, anda seterusnya berdoa. Berdoa adalah bercakap dengan Allah. Allah bercakap menerusi firman-Nya. Akhirnya doa anda menjadi doa kontemplatif dan ini memberikan kita keupayaan memahami lebih dalam kebenaran teologikal.

Sekilas pandang, ia kelihatan sangatlah wajar dan warak. Malah ia seperti apa yang disarankan apabila membaca Alkitab: “Akan tetapi kepada kita, Allah menyatakannya melalui Roh-Nya, kerana Roh itu yang menyoroti segala-galanya, termasuk rahsia Allah yang paling dalam.” (1 Korintus 2:10) Ketepikan sebentar apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Paulus dalam ayat ini, *Lectio Divina* mencadangkan suatu kaedah yang bersifat rohani yang berlawanan dengan usaha meneliti secara sistematik. Penyelidikan yang teliti digantikan dengan gerak hati. Ia lebih menyukai mood dan emosi berbanding dengan pencarian yang memakai kaedah serta munasabah. Ia menyamakan roh anda dengan Roh Kudus.

Dan inilah yang disukai oleh kepatuhan buta terhadap kontekstualisasi! Apa yang orang mahu hari ini adalah firman yang “segar” dari Allah, sesuatu dari Roh-Nya yang akan menyuburkan kehidupan rohani kita yang makin gersang.

Sementara secara sejarah *Lectio Divina* adalah sejenis bentuk mentafsir Alkitab yang berasal dari gereja Roman Katolik, ia telah meresap dan mendapat tempat sejak kebelakangan ini di kalangan Protestan evangelikal. Ia mungkin tidak dipanggil dengan nama yang sama tetapi caranya sangat menyerupai cara ramai pengkhotbah muda diajar bagaimana menyediakan khutbah mereka. Mereka diajar membaca Alkitab dengan cara senyap dan bertafakur, menunggu Roh Kudus untuk berbicara. Anda akan yakin bahawa apa yang Allah telah letakkan dalam hati semasa membaca Alkitab dengan cara sebegini, itulah yang Allah akan pakai dalam kehidupan orang lain juga. “Jadi khutbahkannya! Pasti itu telah diilhamkan oleh Allah.”

Mari kita mengambil satu contoh dari ayat yang sangat popular iaitu Filipi 4:13: “Aku dapat melakukan segalanya melalui Kristus yang memberiku kekuatan.”

Bagaimana kita mendekati teks ini? Kita boleh mulai dengan membacanya secara peribadi, seolah-olah Paulus menulisnya kepada kita. Kemudian kita baca “segalanya” sebagai “apa sahaja.” Kita fikir pastinya teks ini merujuk kepada apa-apa sahaja keadaan. Jadi apabila kita menghadapi apa saja jenis



halangan, Allah memberikan kita kekuatan untuk mengatasinya. Adakah saya perlukan ini dalam kenaikan pangkat? Allah akan berikan saya kekuatan. Bolehkah saya jaring gol penentu bagi memastikan kemenangan? Allah akan berikan saya kekuatan. Sungguh memberangsangkan! Ia cukup sempurna dalam segala keadaan di mana kita perlukan kejayaan. Dan kerana itulah yang kita telah fahami selepas membacanya dan merenungkannya, rasanya tidak sabar lagi untuk terus ke mimbar dan sampaikan penemuan itu, berdasarkan apa yang anda fahami.

Masalahnya adalah apabila meneliti dengan lebih mendalam lagi, Paulus sebenarnya bukan bercakap tentang “apa sahaja.” Jika kita baca beberapa ayat sebelum dan selepas teks itu, kita akan sedar bahawa ayat itu adalah sebahagian daripada perbincangan Paulus tentang penderitaannya semasa berada dalam penjara. Beliau bercakap tentang cabaran untuk terus hidup. Beliau tidak bercakap tentang mahu naik pangkat atau mahu menang dalam pertandingan bola, tetapi bercakap tentang mengharungi penderitaan agar Injil dapat disebarkan dengan meluas (rujuk Filipi 1:12). Tidak banyak yang perlu dilakukan bagi merobohkan bacaan kita yang begitu diinspirasikan itu, hanya memerlukan beberapa ayat sahaja.

Jenis khutbah yang diinspirasikan begini adalah suatu permainan yang berbahaya. Ia sangat subjektif. Apabila kita berhenti untuk berusaha gigih memahami kata-kata yang telah diberikan oleh Roh Kudus dan hanya tumpukan perhatian kepada “fikiran Roh,” kita menjadi wewenang terakhir untuk makna teks yang dikaji. Kita mula menentukan “kebenaran” dan “nasihat” yang kita fikir berasal dari teks yang dibaca yang belum diuji atau disokong secara Alkitabiah. Mungkin kita lakukan semua ini dengan niat dan tujuan yang baik seperti demi kesihatan moral jemaah kita atau keinginan murni membuatkan dunia di sekeliling kita bertambah baik. Walau bagaimanapun kita mula melakukannya di luar rangka doktrin yang ortodoks yang telah diakui ketepatannya. Kita keliru antara “demikianlah firman Allah” dengan “demikianlah firman saya.” Kita meminta jemaah percaya kepada kita dan bukannya percaya dan bersandar kepada Firman Allah. Mungkin anda dan saya tidak begitu pegang kepada teori ini semasa kita menggunakan Alkitab. Namun secara tidak sedar, kita selalu berbuat demikian.

Bagaimanakah rupa keadaan sebegini? Ramai pengkhutbah terutama yang masih muda, memikirkan tentang diri sendiri dan pertumbuhan rohani peribadi semasa membaca teks. Ini bukanlah satu amalan yang tidak baik dan khutbah yang berbentuk renungan bukanlah sesuatu yang tidak baik. Kita semua seharusnya dibentuk secara rohani mengikut imej Kristus melalui teks yang dibaca. Masalahnya adalah kita sangat mudah terpesong daripada apa yang Roh Kudus mahu kita fahami mengenai teks tersebut dan kita hanya mahu tahu bagaimana Roh Kudus bekerja di kalangan jemaah kita. Dalam cara ini, khutbah kita lebih bersifat impresionistik, yang kedengaran sangat rohani tetapi tidak praktikal.

Demi mengelakkan kekeliruan, saya *tidak* berkata bahawa Roh Kudus tidak mempunyai peranan dalam eksposisi khutbah. Ia adalah kesilapan yang besar sekiranya benar. Ketika ia adalah benar jemaah bertumbuh dan menjadi matang melalui eksposisi khutbah, firman Allah harus berjalan seiring dengan pekerjaan Roh Kudus dalam hal dosa, pertumbuhan semula, pertaubatan dan iman serta perjuangan seumur hidup dalam kehidupan sebagai orang percaya. Atau dengan kata lain, “Yang menyemai benih dan yang menyiram tidak penting. Hanya Allah yang penting, kerana Dialah yang membolehkan tanaman itu tumbuh.” (1 Korintus 3:7)

Sebenarnya gabungan pembacaan Alkitab yang mendalam dengan berkhutbah dan terutamanya penggunaan kontekstualisasi untuk menjadi lebih rohani bukanlah sesuatu yang baru. Hal yang sama pernah dilakukan oleh Karl Barth dan gerakan neo-ortodoks pada awal abad ke-20. Kritikan hebat terhadap bangsa Jerman telah membuktikan bahawa teks Alkitab telah dicemari, atau disyaki tercemar. Oleh sebab itu, mereka yang membaca Alkitab tidak dapat memahami apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh para penulisnya. Barth dan gerakan neo-ortodoks ini mempunyai pandangan yang tinggi terhadap Alkitab tetapi menerima pandangan kritikan mengenai cara lisan Alkitab diilhamkan. Justeru itu, dalam gereja neo-ortodoks, kebiasaan meresponi bacaan Alkitab dengan berkata, “Demikianlah Firman Allah,” tidak lagi dipertahankan. Sebaliknya pembaca mungkin berkata, “Dengarlah Firman Allah.” Andaiannya adalah apa yang tinggal hanyalah Roh Kudus. Oleh sebab itu lebih baik kita mendengar kepada



seseorang yang telah mendengar suara Roh Kudus.

Hanya selepas satu generasi kemudian, dan beberapa dalam lingkungan evangelikal telah bergerak di luar Barth untuk khutbah yang diinspirasi atau yang diilhamkan oleh Roh Kudus. Tetapi apakah kita boleh dipercayai? Tanpa sebarang keraguan, Roh Kudus boleh dipercayai dan boleh secara ajaib memasukkan apa yang Dia mahu kita sampaikan secara intuitif. Adakah mungkin ini melepaskan kita dari usaha gigih melakukan eksegesis? Mengapa Roh Kudus mengilhami penulisan Alkitab pada mulanya? Tidak mungkinkah Roh Kudus juga bekerja melalui kajian dan renungan yang dalam? Dengan mencari pendekatan yang subjektif dalam hal mentafsir sebagai khutbah yang diinspirasikan, adakah kita berisiko mengabaikan apa yang Allah maksudkan dalam firman-Nya dan menyampaikan apa yang datang dari kita sendiri, bukannya dari Allah? Adakah kita tunduk kepada roh pada zaman ini (di mana kita juga menjadi sebahagian daripadanya) dan bukannya kepada Firman-Nya yang lebih dalam?

MENGGABUNGKAN KESEMUANYA SEBELUM MELANJUTKANNYA

Kepatuhan membabi buta kepada kontekstualisasi adalah satu isu yang nyata kepada pengkhutbah. Ia menggoda kita agar mencari kerelevanan tanpa berfikir dengan kritikal dan tidak terkawal, dan usaha sebegini akan menghasilkan sesuatu yang cetek berdasarkan teks yang dikaji. Dalam bab ini, kita telah melihat masalah ini dari tiga sudut. Pertama, kita melihat apa yang berlaku semasa pengkhutbah membuat kajian Alkitab yang membiarkan konteks budaya menentukan khutbah yang mahu disediakan dan bukannya konteks budaya membantu dalam menyediakan khutbah. Apa yang kita peroleh adalah sesuatu yang bersifat impresionistik dan bukannya kebenaran teks Alkitab. Kedua, kepatuhan membabi buta terhadap kontekstualisasi sering menyebabkan kita tersasar dalam penggunaan Alkitab yang tepat di mimbar. Ramai di kalangan kita yang menderita ketagihan mendapatkan apa yang praktikal dan andaian bahawa kita tentukan sebelumnya apa yang perlu didengari oleh jemaah. Apabila kita berbuat demikian, kita menyampaikan khutbah yang memabukkan. Ketiga, kepatuhan

membabi buta ini semakin berkait dengan amalan renungan Alkitab peribadi seseorang pengkhotbah. Para pengkhotbah mahu sesuatu yang “segar” dan “rohani”. Selepas itu kita mahu sampaikan perasaan “segar” dan “rohani” itu sebagai mesej dari Allah. Akibatnya, khutbah yang diinspirasikan menggantikan eksposisi khutbah.

Kita berhak bertanya: apakah ada cara yang mudah untuk menghuraikan kecenderungan terhadap kontekstualisasi yang berakhir dengan kesilapan ini? Saya fikir memang ada.



Bahagian sebelah kanan ilustrasi ini menunjukkan tanggungjawab pengkhotbah terhadap Firman Allah: *apa yang dimaksudkan*. Ini adalah bahagian yang penting dalam tugas kita. Kita semua mahu setia. Alkitab memberikan kita firman yang datangnya dari Allah yang hidup. Bahagian sebelah kiri menunjukkan kepada kita arah yang harus kita ikuti: *menyampaikan*. Ini juga penting. Siapa di antara kita yang tidak mahu berhasil dalam apa yang dilakukan? Seorang pengkhotbah berdiri di tengah-tengah melaksanakan dua tugas ini pada setiap minggu. Semua ini memberi tekanan kepadanya, dan setiap satu memeras tenaga dan perhatiannya. Pengkhotbah selalunya takut bahawa komitmen yang kuat kepada satu bahagian akan mengabaikan bahagian yang satu lagi.

Akibatnya, pengkhotbah mulai bercakap seorang diri yang mungkin berbunyi begini: “Jika saya berusaha ke arah supaya apa yang disediakan itu tepat seperti yang dimaksudkan dalam teks, saya bimbang nanti khutbah saya menjadi terlalu intelektual, terlalu rumit dan hilang impaknya ke atas pendengar semasa khutbah itu disampaikan. Apa lagi saya tidak mahu dikenali sebagai seorang pastor terlalu menitik beratkan Firman sehingga saya kehilangan identiti sebagai seorang pengkhotbah yang dipenuhi dengan Roh Kudus. Bukankah saya ada tanggungjawab bercakap kepada hati dan bukan hanya kepada fikiran saja?”



Mesej yang saya sampaikan mesti menunjukkan bahawa saya benar-benar tahu mengenai kehidupan seharian yang sebenar. Saya sudah muak dengan pengkhutbah yang hanya tumpukan kepada hal kerohanian sahaja. Maksud saya, ortodoks itu penting tetapi tanpa kontekstualisasi memimpin saya dalam melaksanakan tugas saya, saya tidak akan dapat amalkan apa yang diajar dalam Alkitab. Saya tahu saya bercakap berdasarkan teks, tetapi akhirnya saya berada di sini adalah untuk melakukan sesuatu impak pada hari ini.”

Setiap kali hujah sebegini timbul dalam hati dan fikiran mereka yang dipanggil untuk berkhutbah – bahawa berusaha mendapatkan maksud yang tepat dan menyampaikannya adalah gandingan yang mustahil – yakinlah anda bahawa kepatuhan membabi buta terhadap kontekstualisasi sedang mengintai, bersama-samanya adalah khutbah impresionistik, yang memabukkan dan yang diinspirasi bersiap sedia menguasai anda dalam menyedia dan menyampaikan khutbah.

Sudah tentulah kedua-dua komitmen untuk mendapatkan ketepatan apa dimaksudkan oleh teks yang dikaji dan menyampaikan bukan gandingan yang mustahil. Charles Simeon dan ramai lagi pengeksposisi khutbah yang saya kenali telah menemui suatu cara untuk memegang kedua-dua komitmen ini. Adalah harapan saya agar tiga bab berikutnya akan menunjukkan kepada anda suatu pendekatan menyediakan khutbah yang membolehkan anda menjadi sebahagian daripada mereka yang telah berjaya dan setia dalam pekerjaan eksposisi Alkitab.

2

EKSEGESIS

Kita mengakhiri bab pertama dengan mengatakan bahwa adalah mungkin untuk berpegang kepada “apa yang dimaksudkan” dengan “menyampaikan”. Kita tidak perlu memilih salah satu daripadanya. Kedua-duanya boleh dilakukan, dan boleh dilakukan dengan baik.

Tetapi bagaimana? Bagaimanakah kita menyediakan mesej yang setia kepada teks dan dapat disampaikan dengan baik pada masa ini? Dan bagaimanakah kita dapat melakukannya dan pada masa yang sama mengelakkan kecenderungan ke arah kepatuhan membabi buta terhadap kontekstualisasi?

Memang ada caranya dan ekspositor yang baik boleh melakukannya. Tiga bab seterusnya membentangkan proses yang terdiri dari tiga bahagian – suatu rangka pemikiran – membolehkan kita memahami dan mengikuti kursus ini: (1) eksegesis; (2) refleksi teologi; dan (3) implikasinya untuk hari ini.

MENGUTAMAKAN KEPADA APA YANG TERUTAMA

Semua khutbah yang disampaikan mesti bermula dengan eksegesis. Dalam perkataan lain, kontekstualisasi, refleksi teologi dan hal-hal semasa diketepikan terlebih dahulu – kita harus komited kepada proses persediaan yang *mengutamakan apa yang terutama*. Apa yang saya maksudkan di sini adalah seorang pengkhutbah yang